



Perlu atau tidak?

Itu yang menjadi persoalan semua orang. Perkara pertama yang perlu dititikberatkan ialah soal keperluan dan kehendak. Memang tidak dinafikan, hati hendak beli semua benda yang mempunyai tag jualan murah. Bagi mereka yang tegar berbelanja, tidak kisah wang simpanan habis asalkan dapat memuaskan hati sendiri. Tanya kembali diri anda, perlu atau tidak?

Satu contoh berkenaan peranti yang menjadi kegilaan ramai. Tidak dinafikan, penggemar alat teknologi mendapatkan apa sahaja alat teknologi terbaru di pasaran. Tapi, hakikat yang pasti, dengan memiliki telefon pintar dan sebuah 'tablet' selama dua tahun sudah mencukupi.

Bertukar-tukar peranti pada setiap hujung tahun hanya membawa kepada pembaziran semata-mata. Begitu juga jika kita bincangkan soal membeli kenderaan baru. Untuk eksekutif muda yang baru saja mempunyai pendapatan lumayan, pasti teringin sekali membeli kenderaan mewah. Namun apabila kita fikir kembali, jika sudah ada kereta yang lebih murah dan berikan keselesaan, ia sudah mencukupi sebenarnya. Ingat bahawa banyak perkara lain yang boleh dibuat daripada membeli kereta mewah.

Misalnya, anda boleh membuat simpanan di bank untuk tujuan kecemasan ataupun melaburkan duit itu untuk memulakan perniagaan atas talian. Nampak perbezanya? Hadkan 'nafsu' dengan memikirkan untuk memenuhi keperluan diri terlebih dulu.

Tak mahu kalah

Cemburu melihat orang lain memiliki barang mewah, itu menjadikan diri kita lebih tercabar untuk menjadi seperti dia juga. Penulis rasa tidak salah untuk mengagumi apa yang dimiliki orang lain jika ia memberikan semangat untuk kita berusaha mencapai cita-cita. Namun, jika ia menyebabkan anda sendiri semakin bersemangat untuk berbelanja boros hanya kerana melihat iklan di televisyen, padah jadinya!

Elakkan daripada menjadi seorang yang tak mahu kalah dalam semua perkara. Walaupun hati cemburu melihat kawan memandu kereta mewah, ingat bahawa anda mempunyai pendirian dan

KEPERLUAN VS KEHENDAK

SEBAGAI remaja, memang tidak dinafikan, kita mempunyai pelbagai keinginan untuk sesuatu yang lebih baik. Walaupun begitu, kadangkala kita sering abaikan soal duit dan tiada perancangan teliti ketika membuat keputusan pada sesuatu perbelanjaan. Apa yang kita mahu hanya kepuasan dan memudahkan hidup. Fikir sejenak dan bezakan antara kehendak dan keperluan hidup sebagai anak muda.

objektif sendiri. Jika niat membeli barang mahal hanya untuk menunjuk-nunjuk, itu sebenarnya sudah lari daripada matlamat sebenar anda.

Cuba hidup dalam keadaan sederhana dan lebih penting anda gembira dengan apa yang anda miliki serta rasa bersyukur kepada Tuhan.

Pegangan orang berjaya iaitu susah dulu senang kemudian adalah istilah yang perlu ditanamkan dalam diri setiap anak muda. Realitinya jika mahu ikutkan kehendak, tidak pernah berakhir senarai barang pilihan yang ingin dibeli bahkan persepsi negatif itu boleh menjadikan anda lebih boros. Disenaraikan beberapa tip yang perlu untuk anda terapkan dalam diri.

1 Bergaya mengikut apa yang sesuai dengan diri anda dan bukan mengejar jenama semata-mata untuk kelihatan anggun dan kakak.

2 Beli peranti yang memudahkan hidup kamu untuk berhubung dengan rakan dan bukan menghabiskan duit 'mengejar' teknologi yang semakin berkembang pesat.

3 Sebagai generasi muda, elok dapatkan kereta yang boleh memberikan keselesaan dan lebih penting, anda mampu membayar ansuran kereta itu.

4 Dari aspek pemakanan, elak daripada boros setiap hari makan di restoran mahal. Cuba rancang perbelanjaan dengan betul. Walaupun makan di restoran bajet, biar murah asalkan kenyang!

5 Rancang perbelanjaan bulanan dengan teliti. Jika ingin ke konsert artis ataupun bercuti di luar negara, pilih pakej yang berpatutan asalkan ada lebihan wang simpanan.

DI DALAM :
TEMPAHAN
DAN
CARIAN
**DAPATKAN
DI SINI!**

AUTO

Kereta
Trak
Bas

NOTIS

Laporan
Kewangan
Tender
Notis Am

KLASIFIKASI AM

Perkhidmatan
Kecantikan
Kesihatan
perabot

HARTANAH

Rumah
Kedai

KERJAYA

Sepenuh masa
Separuh masa
Latihan
Skim Graduan

KERAJAAN

Laporan
Kewangan
Tender
Notis Umum

**LELONGAN/
GUAMAN**

Hartanah
Lelongan
Guaman

